

Panduan untuk Pesakit dan Keluarga

Nasihat Selepas Vaksinasi Kanak-Kanak





Vaksin, seperti ubat-ubatan yang lain boleh menyebabkan beberapa reaksi. Reaksi yang serius seperti pembengkakan pada bibir dan mata, sawan, sesak nafas dan kehilangan kesedaran diri adalah jarang tetapi boleh berlaku, namun masih boleh terjadi.

Oleh itu, adalah penting untuk anda berada di kawasan menunggu selama 15 hingga 30 minit selepas anak anda menerima vaksinasi.

Ini adalah untuk memastikan anak anda mendapat rawatan segera jika mengalami sebarang reaksi yang serius.

Jika anak anda berasa dalam keadaan baik dan selesa selepas 15 hingga 30 minit, sila ke kaunter pendaftaran untuk membuat pembayaran dan mengatur temujanji seterusnya.

Berikut adalah beberapa reaksi vaksinasi yang biasa dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk membantu anak anda dalam beberapa hari akan datang:

Reaksi pada tempat suntikan (kemerahan, bengkak, sakit di tempat suntikan):



- Letakkan kain sejuk pada bahagian yang disuntik untuk memberi keselesaan
- Berikan Paracetamol mengikut saranan jururawat

Demam



- Pantau suhu badan anak anda (demam adalah $37.5\text{ }^{\circ}\text{C}$ ke atas)
- Beri minuman tambahan (contohnya, susu ibu, susu formula, air)
- Pilih pakaian yang ringkas untuk keselesaan anak anda
- Mandikan anak anda dengan air suam
- Beri Paracetamol mengikut arahan pada botol

Meragam/ Merengkek



- Ini biasanya akan hilang antara 24 hingga 48 jam dan tidak memerlukan rawatan

Benjolan kecil pada tempat suntikan



- Ia mungkin berterusan selama beberapa minggu / bulan. Tiada rawatan yang diperlukan.

Komplikasi (jika ada)



Rujuk doktor apabila:

- Ubat yang diberi tidak mengurangkan demam
- Demam berterusan selama lebih daripada 24 jam
- Anak anda kurang aktif seperti biasa
- Tangisan berterusan yang luar biasa
- Mengalami sawan: Sesetengah kanak-kanak lebih cenderung mendapat sawan apabila mengalami demam tinggi
- Kemerahan atau bengkak pada tempat suntikan yang semakin serius
- Mengalami sakit atau kekejangan perut, sambil menarik kaki ke dada mereka, perut kembung, muntah, dan/atau jika terdapat darah dalam najis terutamanya selepas vaksinasi Rotavirus



Copyright © 2025 National Healthcare Group